

**PERLEMBAGAAN BAGI PERTUBUHAN INDUK
PERSATUAN PESARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU,
JOHOR**

(PPM-013-01-26052011)

FASAL 1 NAMA

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama
PERSATUAN PESARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR
Selepas ini disebut "Pertubuhan"
2. Takrif Nama : **PESUTM.**
3. Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah
**BANGUNAN ALUMNI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 SKUDAI JOHOR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah
**UNIT PERHUBUNGAN ALUMNI, PEJABAT HAL EHWAL MAHASISWA & ALUMNI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, 81310 SKUDAI JOHOR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;
2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

- a) Memberikan sumbangan idea atau buah fikiran yang boleh meningkatkan kemajuan dan pembangunan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Negara.
- b) Mengekalkan hubungan silaturahim yang berterusan antara ahli-ahli dengan pihak pentadbiran Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- c) Menyatukan para pesara dan mereka yang pernah berkhidmat dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)/Institut Teknologi Kebangsaan (ITK)/Maktab Teknik (MT).
- d) Menjalankan kegiatan kebajikan dan sosial untuk faedah ahli-ahli serta ahli keluarganya.
- e) Memberi sumbangan kepada ahli-ahli yang ditimpa musibah dengan persetujuan dan kelulusan Jawatankuasa.
- f) Mewakili ahli-ahli untuk mendapatkan kemudahan atau faedah yang bersesuaian seperti bayaran pencen, saguhati tahunan dan bayaran lain daripada pihak Kerajaan atau Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

FASAL 4 KEAHLIAN

- a) **Keahlian Biasa**

Terbuka kepada semua pesara sama ada yang bersara wajib atau pilihan kepada semua staf yang pernah berkhidmat dengan Universiti Teknologi Malaysia(UTM)/Institut Teknologi Kebangsaan(ITK)/Maktab Teknik(MT) dengan syarat mereka adalah warganegara Malaysia.

b) Keahlian Bersekutu

- (i) Terbuka kepada pasangan ahli (isteri atau suami) yang telah meninggal dunia atau kepada pasangan staf (isteri atau suami) yang meninggal dunia sebelum staf bersara atau sebelum tamat tempoh perkhidmatannya dengan syarat mereka adalah warganegara Malaysia.
- (ii) Terbuka kepada bukan warganegara yang pernah berkhidmat dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)/Institut Teknologi Kebangsaan (ITK)/Maktab Teknik (MT) serta berkelakuan baik. Ahli-ahli Bersekutu mempunyai hak yang sama dengan Ahli-ahli Biasa kecuali mengundi dan hak memegang jawatan dalam Jawatankuasa.

c) Cara Memohon.

- (i) Permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha dengan mengisi borang yang ditetapkan serta menyertakan bayaran masuk. Kelulusan permohonan adalah terletak kepada budibicara dan keputusan Jawatankuasa. Jawatankuasa mempunyai hak untuk menolak permohonan tanpa memberikan sebarang alasan. Bagi permohonan yang ditolak, bayaran masuk akan dikembalikan.
- (ii) Tarikh kuatkuasa dan tarikh sah menjadi ahli ialah tarikh Jawatankuasa membuat keputusan.

FASAL 5 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- a) Ahli yang berhasrat berhenti daripada Persatuan hendaklah membuat kenyataan atau permohonan bertulis untuk diluluskan oleh Jawatankuasa. Bayaran masuk tidak akan dikembalikan.
- b) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan dan boleh mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu akan diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan, melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

- a) Sumber kewangan persatuan adalah terdiri dari:
 - (i) Yuran pendaftaran keahlian
 - (ii) Sumbangan dari ahli-ahli persatuan.
 - (iii) Sumbangan dari orang persaorangan
 - (iv) Sumbangan dari badan kerajaan dan swasta
 - (v) Sumber-sumber perniagaan yang dijalankan
- b) Persatuan boleh menjalankan perniagaan untuk menjana kewangan bagi Persatuan selaras dengan peruntukan Perkara 6(a(i)-(v)).

- c) Yuran pendaftaran yang perlu dijelaskan secara sekali gus adalah seperti berikut:
 - (i) Kumpulan Gred Jusa/Gred Khas/Turus – RM60.00 (Enam Puluh Ringgit Malaysia).
 - (ii) Kumpulan Pengurusan dan Profesional – RM50.00 (Lima Puluh Ringgit Malaysia).
 - (iii) Kumpulan Sokongan 1 – RM40.00 (Empat Puluh Ringgit Malaysia).
 - (iv) Kumpulan Sokongan 2 - RM30.00 (Tiga Puluh Ringgit Malaysia).
- d) Bagi ahli yang meninggal dunia, pasangannya (isteri atau suami) boleh memohon untuk menjadi ahli bersekutu dan mereka tidak perlu membayar yuran pendaftaran.
- e) Menambah tabung kewangan Persatuan melalui sumbangan bagi aktiviti yang bersangkutan terutamanya dengan Universiti Teknologi Malaysia(UTM) seperti menguruskan program latihan, seminar, khidmat konsultansi, pengurusan harta dan sebagainya.
- f) Memohon, menyewa, memperolehi, mencagar dan membeli harta tetap dengan syarat mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak tertentu atau pihak yang berkenaan.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

- a) Pengelolaan Persatuan ini adalah terserah kepada Mesyuarat Agung yang akan dihadiri oleh ahli-ahli . Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupkan korum untuk mesyuarat.
- b) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat, tetapi tidaklah berkuasa meminda Perlembagaan Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- c) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb. Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Tujuan Mesyuarat Agung tahunan ialah:
 - (i) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan persatuan tahun yang lalu.
 - (ii) Menerima laporan Bendahari mengenai penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
 - (iii) Memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-Kira bagi setiap 2 (dua) tahun sekali.
 - (iv) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan dalam Mesyuarat Agung.
- d) Setiausaha hendaklah menghantar surat notis peringatan mesyuarat kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurang 14 (empat belas) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan dengan menyertakan agenda mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun yang lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat atau dokumen-dokumen ini hendaklah dibekalkan dengan cara hantaran

tangan, pos biasa atau mel elektronik untuk dibaca oleh ahli-ahli dialamat tempat urusan berdaftar persatuan.

- e) Mesyuarat Agung khas bagi persatuan boleh juga diadakan:
 - (i) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau (di atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada satu perlima (1/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Persatuan.
- f) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- g) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada kepada semua ahli, sekurang-kurangnya 14 (empat belas) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- h) Fasal 8(a) dan 8(b) dalam perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6(enam) bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
 - (i) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu satu salinan draf minit mesyuarat tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 8 **JAWATANKUASA**

- a) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung setiap 2 (dua) tahun:
 - (i) Seorang Yang Dipertua
 - (ii) Seorang Timbalan Yang Dipertua
 - (iii) Seorang Setiausaha
 - (v) Seorang Penolong Setiausaha
 - (vi) Seorang Bendahar
 - (vii) Seorang Penolong Bendahari
 - (viii) 9 orang Ahli Jawatankuasa Biasa
 - (ix) Yang Dipertua berkuasa memilih 2 (dua) orang lagi Ahli Jawatankuasa Biasa Tambahan selepas Mesyuarat Agung dengan persetujuan Jawatankuasa.
- b) Pemegang-pemegang jawatan persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Persatuan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.
- c) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan dijalankan 2(dua) tahun sekali dengan cara mengundi oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai yang dilantik semula hendaklah telah memegang jawatan selama 2 (dua) tahun.
- d) Fungsi Jawatankuasa adalah untuk mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai

perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

- e) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat. Yang Dipertua dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 8 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- f) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
 - (i) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa.
 - (ii) Sekurang-kurangnya 8 daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu.
 - (iii) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang diperolehi melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.
- g) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan dalam Jawatankuasa.
- h) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon kedua yang mendapat undi terbanyak dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhkan kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka Jawatankuasa berkuasa melantik ahli yang lain memenuhkan kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- i) Jawatankuasa boleh memberi perintah kepada Setiausaha dan Pegawai-Pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan Persatuan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Jawatankuasa boleh menggantung atau melucutkan jawatan seseorang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.
- j) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada seseorang ahli Jawatankuasa.

- a) Yang Dipertua, dalam tempoh memegang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani semua minit mesyuarat bila telah diluluskan. Yang Dipertua juga adalah salah seorang Pegawai yang dikehendaki menandatangani cek Persatuan bersama-sama Bendahari atau Setiausaha.
- b) Naib Yang Dipertua hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaannya.
- c) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran mengikut Perlembagaan dan hendaklah menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan mesyuarat Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua dokumen, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, alamat rumah dan lain-lain bagi setiap ahli. Beliau hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan minit mesyuarat. Setiausaha juga adalah salah seorang Pegawai yang dikehendaki menandatangani cek Persatuan bersama-sama Yang Dipertua atau Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengiriskan penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan, 1966
- d) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
- e) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Beliau hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Bendahari juga adalah salah seorang Pegawai yang dikehendaki menandatangani cek Persatuan bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Setiausaha.
- f) Penolong Bendahari hendaklah menolong Bendahari menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari.
- g) Ahli Jawatankuasa hendaklah menghadiri semua mesyuarat dan membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.

FASAL 10 **KEWANGAN**

- a) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan ini, wang Persatuan boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan matalamat dan tujuan Persatuan ini termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji pekerja, bayaran dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang ini tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.
- b) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.

- c) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani oleh 2 (dua) orang daripada 3 (tiga) pegawai iaitu Yang Dipertua, Bendahari dan Setiausaha. Semasa ketiadaan Yang Dipertua, Bendahari atau Setiausaha maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.
- d) Perbelanjaan yang berjumlah RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) dan ke atas bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa dan perbelanjaan yang lebih daripada RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Yang Dipertua, Bendahari dan Setiausaha.
- e) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi tempoh satu tahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 Perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat tempat urusan Persatuan.
- f) Tahun kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 11 **JURUAUDIT**

- a) Dua orang yang bukannya Pegawai Persatuan boleh dilantik 2(dua) tahun sekali dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama 2(dua) tahun dan boleh dilantik semula.
- b) Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Yang Dipertua mengaudit kira-kira Persatuan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 **PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH**

- a) Tiga orang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Semua harta tetap kepunyaan Persatuan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (*Deed of Trust*).
- b) Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hak milik harta kepunyaan Persatuan dengan tidak mendapatkan kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Persatuan.
- c) Seseorang Pemegang Amanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau lain sebab yang mengakibatkan ia tidak boleh menjalankan tugas-tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pemecatan seseorang Pemegang Amanah, maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Pemegang Amanah yang baru yang dilantik dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

- a) Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini dan Jawatankuasa ini jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan.
- b) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Persatuan ini, dengan syarat orang-orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu.

FASAL 15 LARANGAN

- a) Sebarang permainan dalam bentuk perjudian adalah dilarang diadakan di Premis Persatuan. Ini termasuk billiard, video games atau permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
- b) Persatuan dan ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- c) Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada semua ahli atau tidak, atas nama Pesatuan atau Pegawai-Pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- d) Faedah seperti yang diterangkan di dalam Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pesatuan kepada mana-mana ahlinya.

FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari daripada tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 PEMBUBARAN

- a) Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi yang menghadiri di dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.
- b) Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut Perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung berkenaan.
- c) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 (empat belas) hari dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera

-

Keterangan

-

2. Lambang



Keterangan

Lambang Persatuan mempunyai rekabentuk ' diamond ' atau berlian. Berlian adalah sejenis perhiasan yang sangat dihargai dan disanjung oleh masyarakat kerana ia berharga serta bernilai tinggi. Di lapisan pertama lambang berwarna terang dan di dalamnya ditulis dengan perkataan "PESARA" berwarna hitam dan perkataan "UTM" berwarna merah. Di dalam berlian tersebut mempunyai satu lagi berlian bersaiz agak kecil yang mana disebelah kiri berwarna merah dan disebelah kanan berwarna biru. Di dalamnya ditulis dengan huruf "p" berwarna kuning emas yang bermaksud Pesara.

3. Lencana



Keterangan

Berlian mempunyai ketahanan yang kukuh. Ini bermakna mereka akan terus bertekad, berpadu dan bekerjasama bagi menjaga kepentingan ahli-ahli secara bersama. Empat penjuru berlian bermaksud Persatuan mempunyai empat kategori staf iaitu staf Kumpulan Jusa, Gred Khas dan Turus, staf Kumpulan Pengurusan dan Professional, staf Kumpulan Sokongan Satu dan staf Kumpulan Sokongan Dua. Warna hitam bermaksud kedewasaan berfikir, warna merah pulasan bermaksud kematangan dalam tindakan, warna biru tua bermaksud ketenangan dalam menghadapi segala cabaran mendatang dan warna kuning emas melambangkan nilai yang tinggi lagi mulia di sisi masyarakat.

Kemaskini oleh

KHALID MAZLAN

22/02/2020 (Sabtu)